

PENDAHULUAN

"Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) ialah pendidikan yang dijalankan melalui perkhidmatan pos, radio, televisyen, telefon atau surat khabar, tanpa bersemuka di antara guru dan pelajar. Pengajaran dilakukan dengan bahan yang disediakan khusus yang diedarkan/dipancarkan kepada individu atau kumpulan pemelajaran. Kemajuan pelajar dimonitor melalui latihan-latihan bertulis atau yang dirakamkan, dan dihantarkan kepada guru untuk diperiksa dan mengembalikannya semula kepada pelajar bersama-sama dengan komen dan nasihat" (UNESCO, 1979).

Taylor (1987: 169) merujuk kepada Perraton bahawa PJJ ialah satu proses pendidikan di mana sebahagian besar daripada pengajaran dilakukan oleh seseorang yang terpisah ruang dan/atau waktu daripada pelajar. Beliau menambahkan bahawa dengan tidak bergantung kepada tempat dan waktu penyampaian pengajaran sudah tentu tidak dapat dielakkan keperluan penggunaan bermacam-macam media pengajaran yang dapat mengurangkan peranan pengajaran bersemuka.

Terdapat tiga sebab utama yang menyebabkan beberapa negara terpaksa melihat pendekatan PJJ (Smith, 1987: 60-61):

- (i) Perkembangan yang pesat di dalam teknologi komunikasi - radio, televisyen dan telefon.
- (ii) Perkembangan ilmu pengetahuan yang begitu cepat dan alasan-alasan pekerjaan dan minat, banyak orang dewasa terpaksa kembali semula ke dalam suatu bentuk pendidikan.
- (iii) Kenaikan kos pendidikan.

Open University di United Kingdom yang ditubuhkan di dalam tahun 1969 merupakan sebuah institusi yang menjalankan PJJ sepenuhnya dan menjadi rujukan di dunia di dalam PJJ. Konsep PJJ ini telah berkembang di negara-negara Asia dan dewasa ini berjumlah 25 buah institusi (Smith, 1987: 62). Beberapa buah Universiti Terbuka telah ditubuhkan seperti Alma Iqbal, Pakistan 1972; Sri Lanka dan Sukothai Thammathirat, Thailand 1980; Indonesia 1984 dan Indira Ghandi, India 1985.

Sistem PJJ ini bukanlah satu sistem pendidikan yang hanya dilaksanakan di peringkat universiti sahaja, tetapi juga di peringkat sekolah rendah dan menengah (rujuk Selim, 1987).